

PERANAN SOSIAL, DEMOGRAFI, PERSEKITARAN KAMPUS, MINAT DAN PROSPEKTUS KERJAYA TERHADAP PEMILIHAN PROGRAM SIJIL FESYEN DAN PAKAIAN

THE INFLUENCE OF SOCIAL FACTORS, DEMOGRAPHICS, CAMPUS ENVIRONMENT, INTEREST, AND CAREER PROSPECTS ON THE SELECTION OF THE FASHION AND CLOTHING CERTIFICATE PROGRAM

Hajar Yusop¹

¹Kolej Komuniti Batu Gajah
(E-mail: hajar@kkbtgajah.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Yusop, H. (2025). Peranan sosial, demografi, persekitaran kampus, minat dan prospektus kerjaya terhadap pemilihan program sijil fesyen dan pakaian. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 482-488.

Abstrak: Program reka bentuk fesyen yang ditawarkan di institusi pendidikan umumnya bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran sedia industri dan pengetahuan fesyen yang kukuh sebagai haluan kerjaya pada masa hadapan. Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana peranan sosial, demografi, persekitaran kampus, minat dan prospektus kerjaya terhadap minat dalam bidang pakaian dan fesyen dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Batu Gajah. Sampel kajian yang digunakan adalah seramai 41 pelajar Kolej Komuniti Batu Gajah (KKBG). Teknik pensampelan adalah secara rawak supaya setiap pelajar mempunyai peluang untuk menyertai kajian ini. Manakala instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik Google Form yang diedarkan secara dalam talian. Data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min. Untuk menilai sejauh mana peranan sosial, demografi, persekitaran kampus, minat dan prospektus kerjaya terhadap pemilihan program tersebut. Hasil kajian mendapati dorongan ibu bapa merupakan faktor utama daripada lima faktor yang mendorong pelajar untuk memilih program ini. Kajian ini penting untuk memahami faktor pendorong pelajar terhadap program fesyen dan pakaian di tawarkan oleh institusi ini bagi merangka pelan strategik untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil program ini dan memberikan pelajar panduan tentang kerja pada masa hadapan.

Kata kunci: Faktor pemilihan, minat, sijil fesyen dan pakaian

Abstract: The fashion design program offered at educational institutions generally aims to equip students with industry-ready skills and strong fashion knowledge as a foundation for future careers. This study was conducted to evaluate the extent to which social factors, demographics, campus environment, interest, and career prospects influence interest in the field of clothing and fashion among students at Kolej Komuniti Batu Gajah. The study sample

consisted of 41 students from Kolej Komuniti Batu Gajah (KKBG). A random sampling technique was employed to ensure each student had an equal opportunity to participate. The research instrument used was an online questionnaire distributed via Google Forms. The data collected were analysed descriptively to obtain mean scores and to assess the influence of the identified factors on program selection. The findings revealed that parental encouragement was the most influential factor among the five assessed, driving students to choose this program. This study is important for understanding the motivating factors behind students' enrolment in the fashion and clothing program offered by the institution, and for developing strategic plans to encourage more students to join, while also providing guidance on future career paths.

Keywords: *Selection Factors, Interest, Fashion and Clothing Certificate*

Pengenalan

Pakaian merupakan salah satu keperluan penting penggunaan manusia dan fesyen pakaian merupakan asas penting kepada ekspresi diri, pembezaan dan simbolisme (Singh et al., 2023). Disebabkan sosio-ekonomi, teknologi dan politik yang sentiasa berubah, industri fesyen, diunjurkan pada \$2 trilion (USD) menjelang tahun 2026, meningkat daripada \$1.5 trilion pada 2021 (Gabrielli et al. 2013; Smith 2022). Kuasa global telah membentuk industri fesyen menjadi fenomena yang kompleks dan meluas. Ekonomi global yang semakin berkembang dan persaingan daripada negara membangun memerlukan syarikat menjalankan perniagaan dan mengekalkan bahagian pasaran pada platform antarabangsa (Gereffi, 2000). Akibatnya, keperluan untuk jenis profesional baru (seperti fesyen pakaian) telah muncul di mana seorang mampu bekerja dalam persekitaran global yang sangat dinamik ini (Hodges & Karpova, 2006),

Bidang fesyen merupakan satu kerjaya yang semakin diminati (Mohamed et al., 2024). Selari dengan peredaran industri pakaian, program pendidikan tinggi yang menyediakan pelajar untuk kerjaya dalam fesyen mempunyai banyak keuntungan dengan mengikuti perubahan keperluan industry (Ahmad et al., 2024). Program reka bentuk fesyen yang ditawarkan di institusi pendidikan umumnya bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran sedia industri dan pengetahuan fesyen yang kukuh. Di samping itu, program yang akan dipelajari semasa di institusi umumnya merupakan haluan kerjaya pada masa hadapan. Namun demikian, banyak faktor yang mendorong pelajar meminati sesuatu bidang. Sebagai contoh, kadang-kadang yang melihat prospektus masa hadapan kerjaya sesuatu bidang adalah ibu bapa, justeru ibu bapa akan mendorong anak mereka untuk mengambil program tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti manakah faktor utama yang mempengaruhi minat pelajar untuk mempelajari fesyen dan pakaian di Kolej Komuniti Batu Gajah. Kajian ini menilai faktor sosial, demografi, minat, persekitaran kampus dan prospek kerja berkaitan dengan bidang pakaian dan fesyen. Kajian ini penting untuk memahami bagaimana faktor yang dikaji ini menyumbang atau menghalang pemilihan pelajar untuk mengejar pengetahuan dan kemahiran dalam reka bentuk fesyen dan pakaian. Kajian ini akan memberikan pandangan tentang bagaimana institusi pendidikan dan pihak berkepentingan industri boleh memupuk minat yang lebih besar terhadap program pakaian fesyen dalam kalangan pelajar selari dengan perkembangan industri fesyen global.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana peranan sosial, demografi, persekitaran kampus, minat dan prospektus kerjaya terhadap minat dalam bidang pakaian dan fesyen dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Batu Gajah.

Sorotan Kajian

Industri fesyen mempunyai prospek dan ia boleh membantu mengunjurkan ekonomi untuk bersaing dengan pasaran antarabangsa (Amos et al., 2023). Industri fesyen, secara global menyumbang besar kepada pengurangan pengangguran dan pertumbuhan ekonomi (Ikram, 2022; Khurana, 2022). Menurut Luo (2020), peluang pembangunan dalam industri fesyen pada masa kini begitu rancak dan tidak pernah berlaku sebelum ini. Terdapat banyak faktor yang mendorong pelajar untuk mengambil bidang pakaian dan fesyen. Dapatan kajian Maiyo et al. (2014) menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang berminat bidang pakaian dan fesyen adalah kerana mereka berfikir untuk bekerja sendiri dan membayangkan bahawa bidang tersebut mempunyai peluang besar dalam keusahawanan pada masa hadapan. Menurut Ali Hayat et al. (2055) program pembelajaran berkaitan pakaian di institusi pendidikan mempunyai peluang yang lebih baik kepada pelajar untuk berkhidmat kepada dunia dengan mempromosikan industri tekstil dan menghasilkan inovasi dan penyelidikan dalam bidang tekstil.

Di samping itu, Khurniawan et al (2016) menjelaskan bahawa program pakaian dapat menjadikan pelajar berdikari dalam usaha mereka, kerana mereka tidak memerlukan modal yang besar. Pada masa kini pembelajaran pakaian dan fesyen lebih mampu menarik pelajar kerana persekitaran pembelajaran menyediakan teknologi terkini selari dengan perkembangan teknologi dan fesyen itu. Ini kerana menurut Han et al. (2021), pereka fesyen dalam era digital dijangka perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang pengaturcaraan dan pengkomputeran fizikal. Justeru penggunaan perisian seperti e-tekstil dalam pendidikan fesyen merupakan aspek yang penting (Han et al., 2021). Memandangkan penggunaan pakaian telah mencapai tahap tertinggi sepanjang masa, dengan reka bentuk yang kreatif, industri fesyen sangat diperlukan dan akhirnya semakin ramai pereka fesyen dengan pendidikan formal melibatkan diri dalam bidang praktikal (Xiangdong, 2015). Justeru itu apabila permintaan untuk lebih banyak pereka pakaian kreatif, ianya dilihat meningkatkan pendaftaran pelajar dalam program ini.

Metodologi

Sampel kajian yang digunakan adalah pelajar Kolej Komuniti Batu Gajah (KKBG). Seramai 41 pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik *Google Form* yang diedarkan secara dalam talian. Teknik pensampelan adalah secara rawak supaya setiap pelajar mempunyai peluang untuk menyertai kajian ini. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min. Untuk menilai sejauh mana peranan sosial, demografi, persekitaran kampus, minat dan prospektus kerjaya terhadap pemilih program tersebut, nilai min yang diperoleh akan di terjemah kepada empat kategori bermula dari lemah ke tinggi. Penentuan tahap berdasarkan skor min adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dipetik dalam kajian Ngadiman et al. (2019). Item yang memperoleh nilai min yang tinggi dianggap mempunyai peranan penting yang menyumbang kepada minat pelajar dalam bidang Fesyen Dan Pakaian.

Jadual 1: Tafsiran Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Hasil Kajian

a) Latar Belakang Responden

Jadual 2: Latar Belakang Responden

	Item	n	%
Jantina	Lelaki	3	7.3
	Perempuan	38	92.7
Program	Sijil Fesyen dan Pakaian	15	36.6
	Sijil Kecantikan	26	63.4
Semester	1	12	29.3
	2	25	61.0
	3	4	9.8
Kediaman	Bandar	22	53.7
	Luar Bandar	15	36.6
	Pedalaman	4	9.8
HPNM	2.00 - 2.99	3	7.3
	3.00 - 3.33	1	2.4
	3.43 - 3.67	3	7.3
	3.68 - 4.00	22	53.7
	Semester 1 (tiada HPNM)	12	29.3

Jadual 2 ini menunjukkan responden seramai 41 pelajar terdiri daripada pelajar perempuan (92.7%) dan lelaki (7.3%) yang mengikuti program Sijil Kecantikan (63.4%) dan Sijil Fesyen dan Pakaian (36.3%). Sebilangan besar responden berada pada semester kedua (61.0%), diikuti oleh semester pertama (29.3%) dan semester ketiga (9.8%). Dapatan menunjukkan sebahagian daripada responden tinggal di bandar (53.7%), diikuti oleh mereka yang tinggal di luar bandar (36.6%) dan kawasan pedalaman (9.8%). Dari segi pencapaian akademik, majoriti responden mempunyai HPNM antara 3.68 hingga 4.00 (53.7%), sementara peratusan yang sama mempunyai HPNM antara 2.00 hingga 2.99 dan 3.43 hingga 3.67 (masing-masing 7.3%). Sebahagian kecil lagi mempunyai HPNM antara 3.00 hingga 3.33 (2.4%).

b) Faktor Minat Belajar Fesyen Dan Pakaian

Jadual 3: Faktor Minat Belajar Fesyen Dan Pakaian

Item	Min	S.P
Faktor Sosial		
Dorongan ibu bapa	3.56	1.21
Dorongan kawan	3.05	1.20
Dorongan cikgu di sekolah menengah	3.00	1.22
Dorongan pensyarah	3.32	1.19
Faktor Demografi		
Bersesuaian dengan umur saya yang muda	3.24	1.14
Sesuai dengan jantina saya	3.34	1.13
Sesuai dengan etnik saya	3.22	1.21
Dianggap moden dan mengikut peredaran zaman	3.29	1.19
Faktor Minat		
Minat sejak dibangku sekolah	2.93	1.15
Minat sendiri bidang fesyen dan pakaian	3.22	1.19
Saya mempunyai kebolehan semula jadi	2.98	1.11
Saya memandang ini mempunyai nilai tersendiri	3.12	1.25
Faktor persekitaran kampus		
Kualiti pengajaran yang baik	3.39	1.16
Kolej Komuniti yang mempunyai reputasi dalam bidang fesyen dan pakaian	3.34	1.13
Faktor prospektus kerjaya		
Mempunyai peluang pekerjaan yang baik	3.20	1.10
Boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan	3.27	1.12
Merupakan profesion yang menarik	3.29	1.19
Mempunyai potensi tinggi dalam pekerjaan	3.24	1.14
Diterima dalam industri	3.27	1.18
Mempunyai liputan media	3.27	1.20

Dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan analisis untuk melihat sejauh mana lima aspek mempunyai pengaruh terhadap minat fesyen dan pakaian. Secara puratanya majoriti item berada pada tahap sederhana. Dari aspek faktor sosial, dorongan ibu bapa menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 3.56. Sekiranya dilihat dari aspek faktor persekitaran kampus, responden bersetuju mereka meminati bidang ini disebabkan KKBG menawarkan kualiti pengajaran yang baik mencatatkan min 3.39, menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan yang kondusif memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar. Bagi faktor demografi, responden bersetuju bahawa bidang tersebut bersesuaian dengan mereka sama ada lelaki atau perempuan. (min 3.34), manakala faktor prospektus kerjaya, responden melihat bidang pakaian dan fesyen sebagai profesion yang menarik (min 3.29). Berdasarkan kepada aspek minat terhadap bidang

pakaian dan fesyen, responden menjelaskan mereka minat sendiri dan tanpa sebarang paksaan (min 3.22). Secara keseluruhan, dorongan ibu bapa dan kualiti pengajaran di kampus adalah pendorong utama bagi minat dalam bidang pakaian dan fesyen di kalangan responden, diikuti oleh faktor demografi, prospektus kerjaya, dan minat peribadi.

Kesimpulan

Pada masa kini bidang pakaian dan fesyen merupakan bidang yang menarik. Bagi kebanyakan pelajar, memilih program yang akan diambil adalah proses yang kompleks sama seperti untuk membuat keputusan pemilihan institusi pengajian. Biasanya memerlukan banyak pertimbangan, kerana ia dianggap sebagai penentu laluan kerjaya pada masa hadapan. Memahami motivasi di sebalik keputusan untuk mendaftar dalam program tertentu boleh membantu institusi menambah baik aspek promosi terhadap program tersebut pada masa hadapan. Justeru itu untuk memahami kenapa pelajar memilih program Sijil Fesyen Dan Pakaian Di Kolej Komuniti Batu Gajah, kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana peranan sosial, demografi, persekitaran kampus, minat dan prospektus kerjaya terhadap pemilihan program tersebut. Hasil kajian mendapati dorongan ibu bapa merupakan faktor utama daripada lima faktor yang mendorong pelajar untuk memilih program ini. Kajian ini penting untuk memahami faktor pendorong pelajar terhadap program fesyen dan pakaian di tawarkan oleh institusi ini bagi merangka pelan strategik untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil program ini dan memberikan pelajar panduan tentang kerja pada masa hadapan.

Rujukan

- Ahmad, W. S. W., Noor, W. N. W. M., & Ariffin, N. (2024). Penilaian Kesiediaan Pelajar Terhadap Pelaksanaan Program Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP) di Kolej Komuniti Zon Timur berdasarkan Model KIPP. *Jurnal Pengajian Umum/Journal of General Studies*, 4(2), 10-19.
- Ali Hayat, G., Hussain, M., Qamar Khan, M., & Javed, Z. (2022). Textile education in Pakistan. In *Textile and fashion education internationalization: A promising discipline from South Asia* (pp. 59-82). Singapore: Springer Nature Singapore.
- Amos, E., Essel, H. B., Fobiri, G. K., & Ibrahim, M. (2023). Analysis on Students' Performance to Promote Gender Equality in Creative Fashion Design. *Edukasiana: Jurnal Inovasi Pendidikan*, 2(4), 260-271.
- Gabrielli, V., Baghi, I., & Codeluppi, V. (2013). Consumption practices of fast fashion products: a consumer-based approach. *Journal of Fashion Marketing and Management: An International Journal*, 17(2), 206-224.
- Gereffi, G. (2000). *The transformation of the North American apparel industry: is NAFTA a curse or a blessing?*. ECLAC.
- Ikram, M. (2022). Transition toward green economy: Technological Innovation's role in the fashion industry. *Current Opinion in Green and Sustainable Chemistry*, 37, 100657.
- Khurana, K. (2022). The Indian fashion and textile sector in and post COVID-19 times. *Fashion and Textiles*, 9(1), 15.
- Khurniawan, A. (2016). Merangkai Mozaik Nusantara: Profil SMK Rujukan Bidang Pariwisata [Arranging Mozaik Nusantara: Profile of Vocational School Reference in Tourism]. Academia.edu
- Maiyo, R. C., ABONG, O., & TUIGON'G, D. R. (2014). Students' interest in undergraduate fashion and apparel design programs: the case of Kenyan universities. *IOSR Journal of Research & Method in Education*, 4(6), 63-67.

- Mohamed, N., Ramly, N. M., & Zakaria, A. (2024). Kepentingan Pendidikan Fabrik kepada Pelajar Program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Malaysia. *Research and Innovation in Technical and Vocational Education and Training*, 4(1), 43-53.
- Nelson Hodges, N., & Karpova, E. (2006). Employment in the US textile and apparel industries: A comparative analysis of regional vs national trends. *Journal of Fashion Marketing and Management: An International Journal*, 10(2), 209-226.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Singh, N., Chakrabarti, N., & Tripathi, R. (2023). Factors determining fashion clothing interest and purchase intention: A study of Generation Z consumers in India. *Fashion, Style & Popular Culture*.
- Smith, P. (2022). Global apparel market-statistics & facts. *Statista*, <https://www.statista.com/study/54163/apparel-retail-worldwide/>. Accessed, 10.
- Xiangdong, D. (2015). The Problems and Reform of Art and Design in Colleges and Universities. *Creative Education*, 2216-2220